

DAKWAH MELALUI INTERNET DI MALAYSIA: MASALAH DAN CABARAN

Oleh: Azizan Had
Universiti Malaysia Sabah

PENGENALAN

Apabila kita bercakap mengenai dakwah, perkara pertama yang kita bayangkan ialah proses penyebaran ilmu, maklumat dan syiar Islam dengan cara bersemuka (face to face). Tanggapan ini sangat ketara sehingga awal abad ke-20 dimana pada ketika ini proses pendakwahan bersemuka masih lagi ketara dan begitu popular dalam kalangan masyarakat setempat. Pada awal abad ke 21 ini, perkembangan internet yang sangat pesat terutamanya di negara ini telah memungkinan serta merancakkan lagi kaedah pendakwahan di negara ini terutamanya melalui medium baru yang mendapat tempat dinegara ini. Dalam era globalisasi, dunia tanpa sempadan dan penggunaan internet yang semakin digemari di negara ini, kaedah pendakwahan baru melalui internet sangat penting dan juga perlu di pertingkatkan. Menurut kenyataan di akhbar Berita Harian yang menyebut bahawa bilangan pengguna Internet di Malaysia dijangka meningkat kepada 25 juta orang menjelang 2015 berbanding 18 juta orang pada 2012. Sumber dari Laporan Ekonomi 2013/2014 yang dikeluarkan Kementerian Kewangan itu juga menyebut bahawa kadar penembusan jalur lebar isi rumah pula meningkat kepada 66.8 peratus pada akhir Jun 2013 manakala dengan kadar penembusan telefon mudah alih melebihi 100 peratus, kini terdapat 42.6 juta langganan.

Di negara ini pendakwahan melauai internet masih di tahap awal di mana tidak terdapat banyak badan yang menggunakan medium internet untuk berdakwah. Kajian ini bertujuan memberi beberapa cadangan dan strategi mengenai kaedah pendakwahan melalui internet di Malaysia dan cuba mencari jalan penyelesaian dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan untuk memperbaiki mutu pendakwahan melalui internet di Malaysia. Ia juga bertujuan

melihat masalah serta cabaran yang dihadapi dalam pendakwaan melalui internet.

Kajian mengenai Islam di internet banyak ditulis oleh sarjana Islam Barat (Brazil dan Amerika) (http://en.wikipedia.org/wiki/List_of_countries_by_number_of_Internet_users). Antara penulis yang banyak menulis mengenai Islam di Barat, khususnya di Britain ialah Gary Bunt yang banyak menulis artikel dan kajian mengenai penggunaan internet dan pengaruh media berkenaan kepada masyarakat Islam di Britain.

Sementara itu, di Amerika Syarikat pula, penggunaan internet digunakan sebaik mungkin oleh pertubuhan di negara berkenaan demi untuk memberi penjelasan terhadap sesuatu isu. Sebagai contoh, selepas peristiwa 11 September terdapat banyak laman web yang boleh diakses oleh sesiapa sahaja untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai agama Islam dan keperluan untuk bertoleransi terhadap mereka yang beragama lain terutamanya sewaktu kebencian semakin meledak (Risinger 2001: 426). Internet digunakan sebagai medium untuk memberi penjelasan lanjut mengenai sesuatu isu agar ia dapat mengharmonikan kehidupan bermasyarakat di negara berkenaan dalam suasana yang berbilang bangsa dan agama. Hal ini sepatutnya dicontohi oleh masyarakat di negara ini yang mempunyai situasi hampir sama dimana terdapat bangsa dan agama yang berbeza hidup dalam masyarakat majmuk.

Penulis juga ingin memaklumkan bahawa pengguna terbesar internet di dunia ialah negara China, namun penulis ingin menghadkan skop kajian ini kepada kandungan dakwah di internet yang menggunakan medium bahasa Melayu dan Inggeris sahaja dan penulis tidak akan memasukkan perbincangan mengenai internet di dalam bahasa lain seperti bahasa India dan Cina.

PELUANG DAN CABARAN PENDAKWAHAN MELALUI INTERNET

Walaupun ramai yang beranggapan bahawa internet memaparkan budaya dan cara kehidupan Amerika Syarikat seperti budaya filem Hollywood dan cara kehidupan Barat (Md Zin 2000:) , namun usaha-usaha harus dilakukan untuk mengharmonikan hubungan antara agama dan media sosial era baru ini. Antara sebabnya ialah kerana kepentingannya sebagai satu media utama sejak alaf baru menggantikan media cetak seperti akhbar dan majalah sebagai sumber rujukan ilmu dan pengetahuan dalam kalangan masyarakat Negara ini. Ramai juga yang beranggapan bahawa internet sebagai suatu media utama yang tidak boleh disekat merupakan suatu ancaman kepada perkembangan dakwah dimana penyebaran berita secara meluas ini menyebabkan pendakwah sukar untuk menangani gejala penyebaran beritanya yang membawa dua kesan iaitu baik dan buruk (Sham, Ibrahimi et. al 2000: 4-5). Ini kerana walaupun terdapat unsur-unsur kebaikan, terdapat banyak unsur-unsur negative yang dibawa bersamanya seperti video lucah dan gambaran yang tidak baik yang boleh merosakkan masyarakat. Namun, ia juga harus dipelajari dan dipergunakan sebaiknya demi untuk kepentingan dakwah Islamiyah (Ibid :5) .

Negara jiran juga mengalami dan merasai ledakan pengaruh internet ini apabila kebanyakan rakyatnya menjadi pengguna tegar internet. Hal ini dijelaskan oleh Ibnu Ahmad (2014: 24) bahawa pada tahun 2012 sahaja terdapat seramai 61 juta pengguna internet di Negara Indonesia yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar sekolah dan universiti. Ahmad juga menjelaskan betapa pentingnya menggunakan media internet ini sebagai medium dakwah dan demi untuk menarik pengguna internet yang jumlahnya sehingga peringkat juta itu. Ini kerana pengunjung internet bukan sahaja terdiri daripada masyarakat tempatan tetapi juga masyarakat dunia yang lain yang boleh membaca dan memahami bahasa yang digunakan oleh medium berkenaan.

Antara laman web yang juga boleh digunakan untuk memudahkan soal jawab dan penjelasan agama ialah facebook, dimana terdapat kemudahan bersoal-jawab, video calling dan sebagainya yang memudahkan komunikasi apatah lagi dengan kemudahan perkhidmatan percuma yang disediakan tanpa

menggunakan sesen pun (Ibnu Ahmad, 2014: 36). Inilah yang perlu dipergunakan dengan sebaiknya oleh pendakwah era baru dengan memulakan kaedah pendakwaan dengan menarik lebih ramai pengguna untuk menyukai (like) laman web facebook yang dianjurkan untuk tujuan berdakwah ini. Dengan cara itu pengguna yang ingin mempelajari dan mendalami ilmu agama akan lebih mudah tertarik dan sentiasa dihidangkan dengan pengetahuan berunsur Islam dan secara tidak langsung akan terus mendokong dakwah Islamiyah. Selain itu, penggunaan blog juga dapat membantu individu dengan menyebarkan dakwahnya tanpa sebarang masalah. Blog-blog ini dapat diakses melalui telefon pintar malahan dapat digunakan oleh pendakwah untuk menyebarkan ilmunya dengan menggunakan telefon pintar berkenaan (Ibnu Ahmad 2014: 36) (Romli 2013:37).

Medium dakwah juga boleh disampaikan dengan menggunakan internet radio. Malahan Negara jiran seperti Indonesia telahpun memulakan kaedah pendakwaan yang menggunakan radio internet dan internet sendiri sebagai media dakwah pada era globalisasi ini. Menurut Sunarwoto (2013: 201) di daerah Surakarta di Indonesia sahaja terdapat lebih 15 stesen radio bercirikan Islam dan yang penting lagi ialah ia juga disebarikan melalui internet dengan menggunakan radio internet (kaedah *live streaming*)¹ untuk mendekati khalayak rakyatnya yang biasa menggunakan internet walau dimana mereka berada. Selain menggunakan internet untuk mendekati pendengarnya, terdapat juga saluran televisyen yang juga digunakan oleh pendakwah di Indonesia untuk mendekati masyarakat umum dengan menggunakan kaedah internet seperti MT@TV yang menggunakan slogan 'Televisi Dakwah' yang boleh diakses secara *live streaming* oleh masyarakat setempat di Surakarta.²

Pengenalan internet juga menjadikan individu yang mampu memiliki komputer untuk merasakan mereka sebahagian daripada kelompok yang lebih besar (*self identification*) serta mengenalpasti isu-isu semasa dan cabaran yang dihadapi

¹ Lama ini boleh diakses melalui www.mtafm.com. Lihat Sunarwoto (2013:237)

² Akses kepada laman ini ialah melalui www.mta-tv.com. Lihat Sunarwoto (2013: 237)

oleh mereka sebagai umat Islam di dalam suatu kelompok umum (*public sphere*) (Taylor 2013:176). Hal ini dapat dicapai melalui hubungan dengan Negara Islam yang lain serta pertubuhan Islam dunia lain untuk mendapatkan berita semasa dan penjelasannya. Hal ini juga mampu membantu melaksanakan dan mengamalkan ajaran Islam dengan baik dan betul serta membantu memberikan pendidikan Islam di kediaman masing-masing. Selain itu, ia juga dapat membantu masyarakat mengenalpasti musuh-musuh Islam serta puak-puak yang cuba memecahbelahkan Islam di dunia. Sebagai medium yang berada di luar jangkauan pihak berkuasa (Hill dan Sen 2005: 51), internet menjadi sebagai jaringan penghubung antara masyarakat di dalam dan luar Negara yang membolehkan mereka berhubung antara satu sama lain dan membentuk kesatuan masing-masing tanpa penyeliaan pihak berkuasa. Kesan buruknya menurut Hill dan Sen ialah 'ia membolehkan manusia menerima nilai-nilai dari luar yang mungkin boleh menghakis rasa nasionalisme mereka. Pengaruh asing yang ekstrim ini boleh menyebabkan ada individu yang tidak lagi mementingkan keutamaan mengekalkan perpaduan negara'.(2005: 51).

Namun demikian, keburukan penggunaan internet menggunakan elemen dakwah juga seringkali berlaku terutamanya dalam kalangan golongan yang ekstrim. Salah satu gejala buruk penggunaan media bagi tujuan dakwah ialah dalam kalangan pelajar dan mahasiswa universiti. Antara contoh yang berlaku di Negara jiran, Indonesia ialah penubuhan DakwahKampus.com, sebuah pertubuhan dakwah Indonesia yang mempunyai perkaitan dengan kumpulan Hizbut Tahrir³. Laman web dakwah berkenaan DK.com dilawati oleh lebih kurang 1,000 pengunjung sehari dan memaparkan dirinya sebagai pertubuhan dakwah yang bertujuang mengeratkan hubungan antara pelajar Universiti di

³ Pertubuhan ini ditubuhkan oleh berbagai pertubuhan dakwah universiti di Indonesia. Ia ditubuhkan di Bogor pada tahun 2009. Hizbut Tahrir (Parti Pembebasan) pula merupakan pertubuhan yang diasaskan oleh Taqiyyudin an-Nabhani (1909-1977) pada tahun 1952. Kini ia bergerak aktif di 52 negara dunia. Di Indonesia, ia dianggap sebagai salah satu pertubuhan yang mencita-citakan penubuhan negara Islam bersama-sama dengan Nahdatul Ulama (NU) dan Muhammadiyah. Ideologinya tiba di Indonesia mulai tahun 1982 dan ia muncul di khalayak umum pada tahun 2000 semasa Konferensi Khilafah Pertama di Indonesia. Jumlah keahliannya meningkat menjadi 100,000 dan semasa Konferensi Khilafah Internasional di Jakarta yang dihadiri oleh 5,000 peserta yang rata-ratanya terdiri daripada golongan pelajar dan professional. Lihat Saluz (2011: 67-70).

Indonesia (Saluz 2011:70). Namun, pertubuhan Hizbut Tahrir berkenaan juga bergerak di luar negara seperti di United Kingdom dengan menggunakan internet untuk berhubung dengan ahli serta golongan yang bersimpati dengan mereka dan memaklumkan masa, tarikh dan tempat perjumpaan mereka (Whine 1999: 128). Selain daripada Indonesia, terdapat juga perkaitan antara kumpulan Hizbut Tahrir dengan pelajar di United Kingdom, seperti di laman web pelajar Muslim Universiti Birmingham yang mengandungi risalah Hizbut Tahrir, walaupun hubungannya tidak dapat dibuktikan (Whine 1999: 129).

Selain itu, terdapat juga beberapa pertubuhan berhaluan kiri seperti the Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL) yang jua berdakwah menggunakan elemen media eletronik demi untuk mencapai matlamat mereka untuk menubuhkan sebuah negara Islam di Iraq dan Levant. Taktik yang digunakan oleh mereka ialah dengan mendekati golongan yang tidak begitu mendalami selok belok agama Islam sehinggakan mereka terpedaya dengan agenda pertubuhan ini untuk mencapai matlamat mereka. Dalam kajiannya mengenai penggunaan internet dalam kalangan golongan militan Islam, Whine (1999) menjelaskan bahawa kumpulan ini menggunakan internet bagi dua tujuan, pertamanya sebagai medium propaganda mereka demi untuk menghantar mesej mereka ke dunia luar dan, keduanya untuk berhubung secara peribadi dengan menggunakan laman yang terpaksa diakses menggunakan kata laluan (password) (Whine 1999: 125).

Terdapat beberapa petanda awal yang kita boleh gunakan untuk menentukan sama ada sesebuah pertubuhan dakwah itu menyeleweng dari maksud asalnya. Antara petanda-petanda awal yang disebut oleh Whine (1999: 129) adalah seperti berikut:

- a. Perkaitan dengan negara Iran – seperti yang kita tahu, Iran merupakan antara negara yang mengajurkan revolusi Islam.
- b. Penggunaan perkataan dakwah bersama-sama dengan perkataan *jihad*. Walaupun perkataan dakwah boleh ditafsirkan secara tradisional bermaksud penyebaran Islam dan hukum syarak, namun maksudnya yang terkini lebih menjurus kepada propaganda aktiviti militan. Jihad

pula lebih merujuk kepada peperangan menentang komunis, zionis, golongan sederhana dan tidak kuat agama.

- c. Hubungan dengan Ikhwanul Muslimin atas sebab yang sama.
- d. Hubungan dengan golongan dan pertubuhan berhaluan kiri. (1999: 131)

Walaupun saya tidak setuju seratus peratus dengan petanda yang diberikan oleh Whine, terutamanya dalam keadaan dimana tidak semua persatuan yang menyokong Iran atau Ikhwanul Muslimin bakal bertindak ganas serta bertindak di luar batasan, namun ada perlunya perkara ini diambil kira dalam usaha membenters budaya ekstrim dalam kalangan masyarakat Islam.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, dapatlah dijelaskan di sini bahawa terdapat beberapa kesan positif dan negatif penggunaan internet dalam kalangan ahli masyarakat dan pendakwah perlu lebih giat mempromosikan dalwah mereka melalui internet demi untuk kebaikan dan kesejahteraan umat Islam.

BIBLIOGRAFI

Fariza Md Sham, Sulaiman Iberahim, Ideris Endot, 2000, *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Fadil Ibnu Ahmad, 2014, *Dakwah Online: Asyiknya Meraup Pahala di Dunia Maya*, Indonesia: PT Mizan Pustaka.

Burhanuddin, Jajat dan Van Dijk, Kees (ed) , 2013, *Islam in Indonesia: Contrasting Images and Interpretations*, Amsterdam: Amsterdam University Press.

Sunarwoto, 2013, *Dakwah Radio in Surakarta: A Contest for Islamic Identity*, dalam Burhanuddin, Jajat dan Van Dijk, Kees (ed) *Islam in Indonesia: Contrasting Images and Interpretations*, Amsterdam: Amsterdam University Press.

Taylor, Jean Gelman, 2013, *Global Indonesia*, United States: Routledge.

Hill, David T dan Sen, Krisna, 2005, *The Internet in Indonesia's Democracy*, London: Routledge.

Risinger, C. Frederick, 2001, Teaching About Terrorism, Islam and Tolerance with the Internet, dalam *Social Education* , Vol 65, No. 7, ms. 426-427.

Romli, Asep Syamsul M, 2013, *Komunikasi Dakwah: Pendekatan Praktis*, Indonesia: www.romeltea.com.

Schneider, Nadja-Christina, Graf, Bettina (eds), 2011, *Social Dynamics 2.0: Researching Change in Times of Social Media Convergence*, Berlin: Frank & Timme GmbH.

Saluz, Claudia Nez, 2011, DakwahKampus.com as Informal Student Web Portal of Hizbut Tahrir Indonesia, in Schneider, Nadja-Christina, Graf, Bettina (eds.), 2011, *Social Dynamics 2.0: Researching Change in Times of Social Media Convergence*, Berlin: Frank & Timme GmbH.

Whine, Michael, 1999, Islamist Organizations on the Internet, dalam *Terrorism and Political Violence*, 11:1, 123-132